



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “AMALAN KHURAFAT MEROSAKKAN AKIDAH”

14 Januari 2022 / 11 Jamadil Akhir 1443

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ<sup>١</sup>، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>٢</sup>، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ<sup>٣</sup>، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي الْقُرْآنِ الْكَرِيمِ - بَعْدَ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ - :

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنْسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا<sup>٤</sup>

(Surah Al-Jin ayat 6)

Maksudnya: Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, yang meminta perlindungan kepada golongan jin, tetapi jin-jin itu menjadikan manusia bertambah sesat.

### Para tetamu Allah yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, iaitu dengan bersungguh-sungguh melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan Nya, mudah-mudahan kehidupan kita diberkati oleh Allah SWT di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “AMALAN KHURAFAT MEROSAKKAN AKIDAH”.

Menurut istilah Usuluddin dan Falsafah Islam, khurafat bermaksud cerita karut, sama ada rekaan dan khayalan; atau perbuatan, sama ada ajaran, adat, pantang larang, ramalan dan pemujaan; atau kepercayaan yang bercanggah dengan syariat dan akal.

Amalan-amalan khurafat yang telah sekian lama berakar umbi, masih berlaku, walaupun masyarakat Melayu telah ratusan tahun menganut Islam. Begitu juga, meskipun dunia telah melalui era moden berlandaskan sains dan teknologi, dan masyarakat Melayu sudah lebih

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa

<sup>4</sup> Ayat Al-Quran



terpelajar, namun sebahagian kepercayaan dan amalan yang mengandungi unsur-unsur syirik masih terus dilakukan oleh segelintir masyarakat kita. Disebabkan ceteknya pengetahuan dan lemahnya penghayatan agama, kepercayaan terhadap unsur-unsur mistik yang merosakkan akidah dan mendorong kekufuran, seperti percaya kepada tangkal, azimat, ilmu pengasih, ilmu hitam, membuang sial, melariskan perniagaan dan seumpamanya masih berlaku. Islam sangat menitik beratkan soal menjaga akidah agar tidak berlaku syirik. Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَىٰ  
إِثْمًا عَظِيمًا  
(Surah An-Nisa' ayat 48)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukan Nya (dengan apa jua sesuatu) dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki Nya (menurut aturan syariat Nya), dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar.

Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ الرُّقَىٰ وَالتَّمَائِمَ وَالتَّوَلَةَ شِرْكَ.

Maksudnya: Sesungguhnya jampi (yang menyalahi syarak), mantera, tangkal dan ilmu pengasih adalah syirik. (Riwayat Ahmad 3433)

Selain itu, antara bentuk khurafat moden yang dipercayai oleh segelintir anggota masyarakat ialah kepercayaan kepada bintang dan angka tertentu yang didakwa boleh membawa tuah atau sial. Ada yang tidak selesa apabila diberikan angka tertentu sama ada angka giliran, nombor rumah atau bilik, nombor kenderaan dan pelbagai lagi. Demikian juga kepercayaan kepada ramalan bintang serta menilik tuah dan nasib yang dihubungkan dengan tarikh kelahiran. Islam melarang amalan menilik dan meramal sepertimana sabda Rasulullah SAW:

مَنْ أَتَىٰ عَرَافًا أَوْ سَاحِرًا أَوْ كَاهِنًا فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أَنْزَلَ عَلَىٰ مُحَمَّدٍ.

Maksudnya: Barang siapa yang menemui tukang tilik atau tukang sihir lalu membenarkan apa yang ia katakan, maka ia telah mengingkari wahyu yang diturunkan kepada Muhammad SAW. (Riwayat Ahmad 9171)



Untuk melindungi umat Islam daripada terperangkap dengan amalan-amalan berunsur khurafat, mimbar memberikan panduan-panduan berikut:

**Pertama:** Jauhi dan tinggalkan amalan-amalan yang tidak berdasarkan nas-nas syarak sama ada al-Quran atau hadis.

**Kedua:** Tidak mempercayai cerita-cerita rekaan, dongeng atau khayalan yang bersumberkan kepercayaan-kepercayaan karut, dan tidak lagi meneruskan adat yang bercanggah dengan ajaran Islam.

**Ketiga:** Tidak disandarkan hajat atau permohonan kepada bantuan makhluk halus atau seruan mendapat pertolongan daripada roh-roh yang telah berada di alam barzakh.

**Keempat:** Tidak melakukan pemujaan kepada kubur, telaga, busut, pokok, senjata lama, selendang dan sebagainya dengan kepercayaan objek-objek tersebut dapat membantu untuk mencapai sesuatu hajat.

### **Jemaah yang dikasihi Allah,**

Tidak dinafikan kaedah perubatan tradisional telah sekian lama berperanan sebagai pelengkap kepada kaedah perubatan moden. Kaedah perubatan tradisional ada unsur-unsur yang dapat memberikan kekuatan rohaniah, kekuatan dalaman dan kekuatan psikologi. Islam membenarkan perubatan secara rohaniah, tetapi hendaklah berlandaskan syarak tanpa ada unsur-unsur khurafat dan syirik seperti mencampuradukkan ayat-ayat al-Quran dalam mantera yang menyeru pertolongan makhluk halus, dengan memanggil roh datuk nenek, roh wali-wali, syeikh dan khadam tertentu.

Dalam sejarah Islam, wujud cara perubatan tertentu sepertimana yang diamalkan oleh Rasulullah SAW, begitu juga para sahabat dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran, selawat, zikir dan doa-doa khusus, sebagai pelindung, pendinding dan penawar bagi mengubati penyakit. Ibnu Qayyim al-Jauziyah menerusi karyanya at-Tib an-Nabawi menjelaskan bahawa Rasulullah SAW menggunakan tiga asas ubatan untuk merawat penyakit iaitu, bahan semula jadi, amalan kerohanian dan gabungan daripada kedua-duanya. Bahawa kaedah rawatan berunsur rohaniah dibenarkan selagi mana tidak menggunakan bahan kotor seperti najis, berunsur khurafat, tangkal, azimat, serapah mantera yang bercampur aduk, dan tidak melibatkan makhluk halus, jin, syaitan dan iblis. Nabi SAW bersabda menerusi sahabatnya Saidina Abu Darda' RA yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menjadikan pada setiap penyakit itu ada ubatnya, maka hendaklah kamu berubat tetapi jangan berubat dengan menggunakan benda-benda yang haram”.

(Riwayat Abu Daud 3874)



Antara kaedah yang dianjurkan untuk membantu manusia mendapat ketenangan ketika gelisah berhadapan ujian, sama ada berbentuk penyakit, kesusahan, kesulitan, musibah dan bala, ialah melakukan amalan-amalan berikut:

**Pertama:** Memperbanyakkan beristighfar memohon keampunan Allah SWT dan memperbanyakkan doa dengan yakin dan bersungguh.

**Kedua:** Memperbanyak zikir munajat berserta solat sunat hajat dan solat sunat istikharah.

**Ketiga:** Bertawassul dengan nama-nama Allah yang mulia, amalan kebaikan peribadi dan doa orang-orang soleh.

**Keempat:** Memperbanyakkan bersedekah terutama kepada fakir miskin dan anak-anak yatim kerana doa penerima sedekah itu amat hampir dengan Allah SWT.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

### Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ ° حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ٦ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا  
كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ ٧ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dimuliakan,

Insafilah, bahawa segala bentuk khurafat sama ada amalan atau kepercayaan boleh menjerumuskan manusia menjadi syirik. Pada hakikatnya mereka yang mengamalkannya semakin bertambah sesat, dan syaitan pula semakin bertambah sombong atas kejayaan menyesatkan anak Adam. Jauhilah khurafat demi membina generasi yang bertakwa.

Umat Islam mempunyai tanggungjawab melindungi Islam daripada dijadikan bahan jenaka dan bahan ketawa melalui upacara atau perbuatan berunsur syirik yang dilakukan di tempat awam untuk tontonan umum yang boleh mencemarkan kesucian agama serta menjatuhkan

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa



maruah umat Islam. Adab sopan beramal yang ditetapkan oleh Islam wajib dilindungi dan dihormati pada setiap masa.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>٨</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ  
وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَتَثِّبْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْعَلَاءَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا  
خَاصَّةً وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ أَنْ نُشْرِكَ بِكَ شَيْئًا نَعْلَمُهُ وَنَسْتَغْفِرُكَ لِمَا لَا نَعْلَمُهُ.

**Ya Allah** kami berlindung dengan Mu dari mensyirikkan Mu dengan sesuatu yang kami tahu dan ampunkan kami dari (berbuat syirik) yang kami tidak tahu.

**Ya Allah** jauhilah kami dan keturunan kami daripada menjadikan jin sebagai pendamping dan peliharalah kami daripada mempercayai perkara khurafat.

**Ya Allah** berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Jauhilah kami dari seksa azab api neraka.

**Ya Allah** serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negeri dan negara kami kepada orang-orang yang amanah, jujur dan ikhlas; serta tegas melaksanakan keadilan dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan hukum.

**Ya Allah** kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran

<sup>9</sup> Doa untuk kaum muslimin



رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.